

YOU 2004/A09
0000253771

Penyalahgunaan di Kalangan

Oleh MAHAMAD SYUKRI BIN
ABDUL RAHIM

APAKAH definisi remaja? Remaja didefinisikan sebagai masa peralihan dari zaman kanak-kanak ke zaman dewasa. Batasan usia remaja berbeza-beza mengikut situasi negara dan budaya setempat.

Menurut WHO (World Health Organisation) batasan usia remaja ialah 12 hingga 24 tahun. Kamus Dewan pula menyatakan bahawa remaja ialah seseorang yang sudah akil baligh atau sudah boleh berkahwin bagi perempuan. Di Indonesia pula had usia remaja ialah 10 hingga 21 tahun.

Zaman remaja merupakan tempoh peralihan dari zaman kanak-kanak menuju zaman dewasa. Zaman remaja secara umumnya dikenal sebagai zaman "pancaroba". Apatah lagi keadaan remaja penuh bersemangat, serba ingin tahu, belum sepenuhnya memiliki pertimbangan yang matang, mudah terombang-ambing, mudah terpengaruh, nekad dan berani, beremosi tinggi, sering ingin mencuba dan tidak mahu ketinggalan berbanding teman sebayanya. Pada ketika inilah mereka merupakan kelompok yang paling mudah terjebak dengan penyalahgunaan pil khayal.

Penyalahgunaan pil khayal di kalangan remaja atau pelajar merupakan masalah yang kompleks. Hal ini kerana masalah ini bukan saja melibatkan remaja atau pelajar itu sendiri, tetapi juga melibatkan banyak pihak yang lain sama ada keluarga, masyarakat, pihak sekolah, teman sebaya, kementerian kesihatan, penggubal undang-undang, polis, dan banyak lagi, sama ada sebagai faktor penyebab, pencetus ataupun yang menanggung masalah itu. Di Malaysia, penyalahgunaan pil khayal ini masih dalam keadaan terkawal. Namun, jika tidak ditangani dengan bijak sana, tidak mustahil masalah ini akan semakin membiak dan mampu meruntuhkan masa depan remaja Malaysia.

Pengetahuan mengenai bahaya pil khayal hanyalah salah satu aspek yang



Sebahagian daripada simbol-simbol yang terdapat pada pil ecstasy

perlu disampaikan kepada remaja agar mereka sedar akan kesan buruknya terhadap kesihatan bahkan ancaman terhadap kehidupannya. Kalaulah semua perilaku semasa remaja terarah kepada hal-hal yang positif dan bermanfaat, sudah tentunya remaja yang lahir daripadanya remaja atau pelajar yang jelas masa depannya. Namun, jika berlaku sebaliknya akan terhasil perilaku negatif seperti gengsterisme, vandalisme, menghisap dadah, dan sebagainya yang sangat merugikan dirinya sendiri dan masyarakat sekitarnya.

Penyalahgunaan pil-pil khayal dan yang sejenis merupakan suatu penyelewengan penggunaan pil bukan untuk tujuan menyembuhkan/pengubatan atau tidak sesuai dengan kegunaannya. Antara pil yang sering menjadi sasaran remaja hari ini ialah ecstasy. Nama kimia atau saintifiknya ialah Methylene dioxy methamphetamine (MDMA). Pil ini merupakan dadah perangsang dan juga halunisasi, dikenali sebagai ATS (*Amphetamine Types Stimulant*). Ecstasy terdapat dalam pelbagai warna, seperti pink, putih, ungu, dan biru. Kebanyakan remaja yang mengambil pil khayal hanya mahu berseronok-seronok sahaja pada peringkat awal. Tanpa disedari pil ini sebenarnya boleh merosakkan organ-organ utama seperti otak, paru-paru, jantung dan sistem saraf. Secara farmakologi, pil-pil ini boleh menyebabkan terjadinya

ketagihan.

Selain itu, ecstasy boleh membahayakan bayi dalam kandungan dan menyebabkan keguguran. Malah lebih teruk lagi pil ini akan menyebabkan perubahan mental, tingkah laku bahkan boleh menyebabkan kematian. Selain ecstasy, terdapat beberapa jenis pil atau ubat-ubatan lain yang sering menjadi sasaran remaja seperti, kokain, dan Amfetamin.


Pada dasarnya kewujudan pil dan ubat-ubatan ini tidak membahayakan. Contohnya, Kokain ialah perangsang semula jadi yang diperolehi daripada daun pokok *Erythroxylon coca* yang banyak ditanam di tanah tinggi Andes di Amerika Selatan. Pada zaman dahulu, daun pokok ini dikunyah untuk menyegarkan badan serta menghilangkan keletihan. Kini hasil kokain yang diekstrak berupa sejenis cecair likat berwarna perang, yang dikenali sebagai bes kokain. Dengan melakukan tindak balas kimia, bes kokain ditukar menjadi garam kokain, sejenis serbuk putih.

Kes penyalahgunaan kokain kebanyakannya berlaku di Amerika Syarikat. Di rantau Asia Pasifik, dadah ini tidak popular lagi kerana harganya mahal berbanding dengan ganja atau dadah opiat. Berdasarkan rekod tahun 1985, dilaporkan harga satu gram kokain di pasaran gelap Amerika Syarikat pernah mencapai RM400.

Dalam bidang perubatan, kokain diguna untuk mendapatkan kesan bius dan mengecutkan salur darah bagi mengurangkan pendarahan pada kecederaan serta pembedahan kecil.

Sementara itu, *Amfetamin* pada mulanya diperkenalkan untuk melegakan hidung tersumbat dan resdung (*rinitis*) kerana amfetamin dapat mengecutkan saluran darah di hidung. Kini *amfetamin* dan terbitannya masih digunakan kepada pesakit narkolepsi (penyakit tidur sepanjang masa), kanak-kanak yang hiperaktif serta untuk

pil khayal remaja



mengurangkan berat badan. Penggunaan *amfetamin* meningkat semasa Perang Dunia Kedua kerana diambil bagi mengelakkan tertidur semasa peperangan.

Selain daripada *amfetamin*, terbitan amfetamin lain termasuklah *dekstroamfetamin* dan *methamfetamin*. Walaupun terbitan *amfetamin* memiliki struktur kimia yang berbeza, namun kesannya adalah sama. Kini di Malaysia, dadah *amfetamin* dan terbitannya diletakkan di bawah bidang kuasa Akta Dadah Berbahaya 1952, pindaan 1982 yang bertujuan melindungi masyarakat daripada bahaya salah guna dadah.

Penagih yang mengambil *amfetamin* sama ada melalui suntikan atau memakan terus akan merasai dua fasa kesan yang berbeza; fasa meningkat (*rush*) dan fasa

menurun (*crash*). Semasa fasa meningkat, penagih mengalami halusinasi bunyi dan penglihatan, perasaan seronok dan khayal (*euforia*). Fasa ini lebih cepat diperolehi melalui suntikan. Oleh sebab itu penagih mengambil secara suntikan, bukan lagi melalui mulut. Fasa menurun pula merupakan fasa yang ditunjukkan oleh kesan peninguran dadah di dalam badan. Di antara kesannya ialah rasa mengantuk serta tidur untuk jangka masa lama, bergantung kepada jumlah dos yang diambil. Fasa ini akan dirasai sehingga beberapa hari selepas *amfetamin* diambil.

Penglibatan remaja dalam kes pil-pil ini bukan sekadar mengambilnya untuk diri sendiri malah turut bertindak sebagai pendedar. Dalam hal ini akhbar Utusan

Malaysia, 5 September 2001 melaporkan kes seorang remaja dari Ipoh, Perak ditahan oleh pihak polis kerana memiliki 60 pil ecstasy. Pil itu dipercayai akan diedarkan kepada pelanggannya di beberapa pusat hiburan di bandar raya tersebut.

Di samping pil-pil terlarang tersebut, ramai remaja yang merokok dan meminum arak. Berdasarkan kajian asap rokok, mengandungi bahan aktif lebih daripada 3000 jenis termasuk nikotin, tar, CO₂, CO, hidrogen sianida, dan tembaga. Seorang perokok akan menghadapi risiko rosaknya jaringan paru-paru, sesak nafas, barah paru-paru, dan penyakit jantung koroner. Ketika ini, banyak negara melarang perokok di tempat awam umum dan pada setiap bungkus rokok dilabelkan bahaya

Kolumnis Dewan Siswa menang Hadiah Karya Kencana



PADA 8 Disember 2003 yang lalu, telah berlangsung Majlis Tinta Kencana 2003 di Hotel Crown Princess, Kuala Lumpur. Majlis tahunan yang diadakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ini bertujuan mengiktiraf pelbagai bentuk penulisan yang dihasilkan dalam Bahasa Melayu. Bagi kategori Hadiah Karya Kencana, sebanyak tujuh penulis berjaya memenangi hadiah utama dan seorang layak menerima hadiah sagu hati. Cikgu Esa Abd Samad berjaya memenangi hadiah utama melalui karyanya yang berjudul *Merencana Wawasan Sendiri* yang tersiar dalam Dewan Siswa Oktober 2002. Tahniah buat Cikgu!

Cikgu Esa Abd Samad ketika menerima hadiah daripada Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman

yang mungkin ditimbulkan akibat rokok.

Sementara itu, alkohol merupakan zat yang mengandung etanol yang memberi kesan buruk kepada sistem susunan saraf pusat. Pengambilan dos yang rendah mungkin membuat tubuh menjadi segar kerana sifatnya yang merangsang. Namun, pada dos berlebihan akan menyebabkan berbagai-bagai gangguan seperti rosaknya jaringan otak, gangguan daya ingat, gangguan jiwa, mudah tersinggung, menurunnya koordinasi otot, reaksi tindak balas menurun, lumpuh bahkan menyebabkan kematian.

Apatah lagi, Islam melarang umatnya meminum arak. Jadi, jelas bahawa semua pil terlarang ini lebih banyak mudaratnya daripada manfaatnya. Oleh itu, harus di jauhi oleh para remaja dan pelajar.

Dalam hal ini, "Mencegah lebih baik dari mengubati." Sebelum masalah remaja yang terbabit dengan masalah ini benar-benar serius wajarlah semua pihak bertindak mengikut kemampuan masing-masing. Andainya sudah terjerumus tentu sukar untuk dipulihkan, malah menuntut kos yang tinggi pula. Pihak kerajaan terpaksa membiayai segala kos di pusat serenti, menambah anggota keselamatan, dan sebagainya.

Oleh itu antara usaha yang boleh dilaksanakan bagi mencegah masalah ini daripada terus merebak ialah memberi penekanan kepada kehidupan beragama, baik di sekolah, keluarga mahupun masyarakat; mewujudkan komunikasi yang harmonis antara remaja dengan orang ibu bapa, guru, serta masyarakat; menggalakkan remaja menyertai aktiviti lasak dan bersukan agar tenaga muda mereka terfokus kepada sesuatu aktiviti; memberi dorongan terhadap mana-mana hobi yang baik sama ada di sekolah, di rumah, dan masyarakat sekitar.

Selain itu, ibu bapa berperanan mendidik remaja mengenal pasti gaya hidup sihat dan mampu menangkis pengaruh atau pujukan untuk menggunakan pil-pil perangsang tersebut; saling menghargai sesama remaja dan anggota keluarga; dan menyelesaikan pelbagai masalah di kalangan remaja secara positif dan konstruktif.

Dengan berbagai usaha tersebut semoga kalangan remaja dapat terhindar daripada penyalahgunaan pil terlarang. Semoga zaman remaja akan dapat dilalui dengan baik serta membuahkann masa dewasa yang lebih bertanggung jawab.

Selain itu **ibu bapa** berperanan mendidik remaja mengenal pasti **gaya hidup sihat** dan **mampu menangkis pengaruh** atau **pujukan** untuk menggunakan **pil-pil perangsang** tersebut; Saling menghargai sesama remaja dan anggota keluarga; dan menyelesaikan pelbagai masalah di kalangan remaja secara **positif** dan **konstruktif**.

KESAN BURUK ECSTACY

